

Pameran Konvokesyen Ke-12

Sekolah Sains dan Teknologi telah turut serta dalam Pameran akademik sempena Pesta Konvokesyen kali ke-12 (2010) telah berlangsung pada 5 hingga 12 Oktober 2010 di perkarangan bangunan Hal Ehwal Akademik UMS. Pameran ini bertujuan menarik perhatian orang ramai terutamanya warga Kota Kinabalu dan ibu bapa yang hadir dalam pesta konvokesyen tentang aktiviti penyelidikan dan kursus kursus yang ditawarkan di UMS. Pihak SST telah mempamerkan hasil penyelidikan terkini dan aktiviti-aktiviti semasa kakitangan dan pelajar SST.

Di akhir Pesta Konvo Tamu Gadang tersebut, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Penglima Hj. Ahmadshah Bin Abdullah telah datang sempat meluangkan masa melawat tapak pameran di SST. Kehadiran beliau disambut dengan mesra oleh Dekan SST, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah, pensyarah dan kakitangan makmal SST yang terlibat dalam pameran akademik tersebut.